Kerana menjadi calon Bebas dan menyokong calon2 pembangkang

UMNO PECAT 11 ANGGOTA

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Sabtu — UMNO Malaysia memecat 11 ahli parti yang menjadi calon Bebas atau pembangkang, pencadang atau penyokong calon-calon bukan Barisan Nasional, dalam Pilihanraya lalu.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Disiplin UMNO, dipengerusikan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia.

Datuk Musa berkata, Jawatankuasa juga memintia lapan ahli UMNO mengemukakan alasan dalam tempoh dua minggu, mengikut Fasal 24 Perlembagaan UMNO, mengapa tindakan disiplin tidak boleh diambil ke atas mereka.

Jawatankuasa akan juga merujukkan kes 11 ahli yang lain kepada Perhubungan UMNO Negeri memandangkan laporan yang diterima tidak lengkap. Perhubungan Negeri diberi tempoh hingga 7 Julai depan untuk berbuat demikian.

Datuk Musa berkata, dari sebelas orang yang dipecat, empat dari mereka bertanding atas tiket calon Bebas dan satu PAS.

Calon Bebas ialah Encik Jusoh bin Man bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kurong Anai, Arau, Perlis; Raja Azman Raja Muhamad (Parlimen Mata Kuching, Bukit Mertajam, Pulau Pinang); Encik Yusof Albakri (Dewan Undangan Negeri Bandar Kuala Trengganu) dan Encik Mohamad Zain Abdullah (Dewan Undangan Negeri Jelawat, Bachok, Kelantan).

Calon PAS ialah Encik Mohd. Ismath bin Habib Muhamad (Dewan Undangan Negeri Kampung Jawa, Selangor).

Kesemua mereka kalah dalam Pilihanraya tersebut.

Datuk Musa berkata, dua dari mereka yang dipecat adalah pencadang dalam kertas penamaan calon. Sementara empat lagi adalah penyokong calon-calon bukan Barisan Nasional.

Pencadang ialah Encik Ahmad bin Hassan atas kertas pencalonan Encik Jusoh bin Man dan Haji Lasim Naemat, pencadang kepada calon Bebas kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh, Negeri Sembilan, Encik Hashim Pilus.

Penyokong-penyokong calon bukan Barisan Nasional yang dipecat ialah Encik Zainol bin Jamal dan Encik Mohd Yatim bin Ariffin, bagi calon Bebas kerusi Parlimen Tasek Gelugor, Pulau Pinang; Encik Roslan Abu Hassan yang menyokong calon Bebas kerusi Parlimen Mata Kuching, Pulau Pinang dan Encik Aman bin Dengki yang menyokong calon Bebas kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh, Negeri Sembilan.

Kebanyakan mereka yang dipecat itu mempunyai kedudukan dalam UMNO Cawangan atau Bahagian masing-masing — sama ada Ahli Jawatankuasa hinggalah ke Ketua Cawangan atau Bahagian.

Datuk Musa juga berkata, surat kepada lapan ahli parti yang diminta mengemukakan alasan mengapa mereka tidak harus dikenakan tindakan disiplin akan dihantar secepat mungkin.

Mengikut Fasal 24 Perlembagaan UMNO, surat-surat tersebut mestilah sampai kepada Jawatankuasa dalam tempoh dua minggu.

Bagi laporan lengkap dari Perhubungan Negeri, Datuk Musa berkata, Jawatankuasa memberi tempoh sebulan sehingga 7 Julai depan untuk mereka mengemukakan laporan ke atas kes 11 ahli yang lain. Sekiranya laporan-laporan tidak diterima, bermakna ia dianggap tidak sah dan tidak ada lagi calon-calon yang diambil tindakan.

Datuk Musa berkata, mengikut Fasal 24 Perlembagaan UMNO juga, setelah semua laporan diterima, Jawatankuasa akan mengambil tindakan wajar — dengan memberi amaran, menggantung hak-hak keahlian dalam Parti dan seterusnya pemecatan.

SENARAI AHLI UMNO YANG DIPECAT

- JUSOH BIN MAN, Ketua UMNO Jelumpok, Arau Perlis.
- AHMAD BIN HASSAN, Ahli Jawatankuasa Bahagian Arau, Perlis.
- ZAINAL BIN JAMAL, Ahli Jawatankuasa Cawangan Tasek Gelugor.
- MOHAMAD YATIM BIN ARIFFIN, Ahli Cawangan Pokok Tampan, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
- RAJA AZMAN BIN RAJA MOHAMAD, Ahli Cawangan Taman Chai Leng, Bukit Mertajam.
- ROSLAN BIN ABU HASSAN, Ahli Cawangan Taman Chai Leng.
- MOHAMED ISMATH HABIB MOHAMED, Ketua Penerangan Cawangan Kampung Jawa, Selangor.
- HAJI LASIM NAEMAT, Ahli Cawangan Air Glugor, Tampin.
- AMAN BIN DENGKI, Ahli Cawangan Sungai Dua, Tampin.
- YUSOF BIN ABDULLAH, Ahli Jawatankuasa Cawangan Bandar Kuala Trengganu.
- MOHAMED ZAIN BIN ABDULLAH, dari Cawangan Jelawat, Bachok, Kelantan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia